

KEBOLEHGUNAAN MODUL BIMBINGAN KELOMPOK KONSEP KENDIRI: KESAN TERHADAP PELAJAR

¹Yusni Mohamad Yusop, ²Melati Sumari, ³Fatanah Mohamed, ⁴Ahmad Fathy Ibrahim
& ⁵Krishamoorthy a/l Muniandy

^{1,2,3}Universiti Malaya

^{4,5}Sekolah Kebangsaan Taman Melawati 2

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengukur kegunaan Modul Bimbingan Kelompok Konsep Kendiri (BKKK) terhadap murid tahun 5. Subjek didedahkan kepada aktiviti modul menerusi kajian kuasi eksperimen menggunakan satu kumpulan rawatan dengan ujian pasca. Kaedah pengumpulan data adalah melalui dokumen, iaitu penulisan log/ refleksi. Pendedahan kepada aktiviti Modul BKKK telah dilaksanakan selama enam minggu. Setelah mengikuti aktiviti modul bimbingan kelompok ini, data dokumen refleksi menunjukkan subjek (1) Bersyukur dengan fizikal yang dimiliki (2) Menghargai fizikal yang dimiliki (3) Bersyukur memiliki peribadi yang baik (4) Mampu membina peribadi yang mulia (5) Diri memiliki nilai-nilai moral (6) Yakin diri mampu melaksanakan nilai baik (7) Bersyukur dengan keluarga yang dimiliki (8) Mampu menyumbang kepada kebahagiaan keluarga (9) Diri telah bergaul dengan baik (10) Yakin mampu hidup bermasyarakat dengan baik (11) Yakin diri mampu meningkatkan pencapaian akademik. Analisis datadokumen ini telah disahkan oleh 3 orang pakar menggunakan nilai Cohen Kappa. Dapatan kajian rintis merumuskan bahawa Modul Bimbingan Kelompok Konsep Kendiri berkesan terhadap meningkatkan konsep kendiri murid. Sehubungan dengan itu modul mempunyai nilai kebolehgunaan yang baik. Beberapa cadangan penambahbaikan turut dibincangkan.

Kata kunci Konsep Kendiri, Kebolehgunaan, Modul, Cognitive Behavioral Therapy (CBT), Tennessee Self Concept Scale (TSCS), Penulisan Refleksi

Abstract

This study aims to determine the usability of Self Concept Group Guidance Module (SCGG) of the Year 5 students. Subjects were exposed to the SCGG Module through a quasi-experimental study using one treatment group with

post-test. The data had been collected through document, using reflective writing. The module has been exposed to the subjects for six weeks. After participating in the module activities, subjects were to share their experience through reflective writing. The result shows that majority of the subjects 1) feel thankful with the physical possession (2) feel grateful on own physical (3) feel thankful to have good personality (4) think they are be able to build generous (5) feel that they have had the good values (6) feel confident to perform the good (7) feel grateful to the family that they owned (8) think they are able to contribute happiness in the family (9) feel they had been getting along in community (10) confident to live well in the society (11) confident to improve academic achievement. The thematic analysis had been approved by three experts using the Cohen's Kappa value. The findings indicate that CGG module is effective to enhance students' self-concept, since the module has a good value of usability. Some suggestions for improvement of the module were discussed.

Keywords *Self Concept, Usability, Module, Cognitive Behavioral Therapy (CBT), Tennessee Self Concept Scale TSCS, Reflection Writing*

PENGENALAN

Konsep sendiri adalah sebahagian komponen penting dalam mencorakkan kehidupan seseorang. Mutakhir ini konsep sendiri disedari sebagai mekanisma utama dalam perkembangan diri individu dan pembinaan kerjaya. Teori Perkembangan Kerjaya yang di pelopor oleh Donald E. Super pada awal 1950an memperlihatkan bahawa konsep sendiri merupakan pemacu perkembangan kerjaya individu (Capuzzi & Stauffer, 2006; Reardon, Sampson & Peterson, 2006; Zunker, 2006). Manakala teori perkembangan mendapati konsep sendiri terbentuk pada usia kanak-kanak, seiring dengan pertumbuhan mereka (Meany-Whalen, 2010; Hart & Damon, 1996; Sigelman, 2009). Pembentukan konsep sendiri yang bermula pada awal usia amat penting atas dasar bahawa pengalaman semasa zaman kanak-kanak adalah kekal dan akan mempengaruhi diri individu pada masa akan datang (Johnson, Christie & Wardle, 2005; Oosterwegel & Oppenheimer, 1993).

Konsep sendiri tidak hanya didebatkan dari aspek teoritikal, tetapi juga ditekankan dalam dokumen KPM. Beberapa dokumen KPM mensasarkan matlamat untuk membentuk konsep sendiri positif yang bermula pada peringkat usia prasekolah hinggalah ke peringkat sekolah menengah (KPM Bil. 12/2012; Dokumen KSSR, 2011; Dokumen Standard KSPK, 2010). Pada dasarnya pembentukan konsep sendiri yang bermula pada awal usia menyediakan ruang untuk memantapkan konsep sendiri positif individu.

Sungguhpun perkembangan konsep sendiri amat penting pada usia kanak-kanak, kajian lalu cenderung melihat konsep sendiri dalam kalangan remaja (888). Di samping itu, kajian empirikal turut dilaksanakan untuk melihat peningkatan tahap konsep sendiri, tetapi khusus untuk golongan pelajar sekolah menengah (Chua, 2011; Mohd Aziz, 2010). Kajian kali ini memberi fokus kepada golongan kanak-kanak. Malah pengkaji telah membina sebuah modul yang bertujuan untuk meningkatkan konsep sendiri khas untuk murid sekolah rendah. Modul yang telah dibina ini turut diuji kebolehgunaannya. Kajian ini bukan sahaja menepati teori perkembangan yang telah dibincangkan, malah modul yang telah dibina menepati ISO apabila kebolegunaan modul konsep sendiri ini dikenal pasti bagi menepati keberkesannya (ISO, 1998).

Isu

Pembentukan dan perkembangan konsep sendiri ini diberi perhatian dalam perbincangan konseptual mahupun praktikal. Namun begitu, ini bukanlah jaminan bahawa kesemua individu memiliki konsep sendiri positif. Terdapat kajian lalu yang menjelaskan bahawa tidak semua individu memiliki tahap konsep sendiri yang tinggi. Hasil kajian Zulazan (2003) menunjukkan sebanyak 41% daripada 227 pelajar memiliki konsep sendiri yang rendah. Hasil kajian Azman (2000) pula mendapati 23 orang daripada 197 orang pelajar mempunyai skor konsep sendiri yang rendah. Manakala Rosli (1998) mendapati seramai 34% daripada 177 pelajar mempunyai konsep sendiri yang rendah. Konsep sendiri yang rendah ini mempunyai hubungan rapat dengan beberapa perkara berkaitan dengan individu seperti kecenderungan memiliki pencapaian akademik yang rendah, motivasi diri yang rendah dan berpotensi terlibat dalam masalah tingkah laku seperti buli (Asma, Manzoor & Muhammad, 2010; Zuria, Norelawaty & Noran Fauziah, 2010; Norlizah, 2008; Azneezal, Nora & Siti, 2005). Dapatan kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa konsep sendiri yang negatif mampu mempengaruhi individu untuk terjebak dalam kancas yang negatif seperti masalah disiplin dan tingkah laku.

Mengikut statistik KPM pada tahun 2010, seramai 38,927 orang murid sekolah rendah terbabit dalam pelbagai masalah salah laku dan disiplin, seperti jenayah, ponteng sekolah, kurang sopan, kelcahan, vandalisme dan kenakalan (Harian Metro, 28 Disember 2010). Statistik KPM juga melaporkan bahawa jumlah salah laku pelajar dalam tempoh lima tahun (dari tahun 2008 hingga 2012) menjangkau 107,191 orang pelajar yang mana 27.91% adalah murid sekolah rendah dengan pelbagai kesalahan (Sinar, 22 Ogos 2013). Bilangan ini membimbangkan memandangkan salah satu punca pelajar terbabit dengan masalah tingkah laku ini adalah disebabkan memiliki konsep sendiri yang rendah. Oleh yang demikian, adalah amat penting setiap individu khususnya pelajar memiliki konsep sendiri yang positif agar tidak mudah terjebak dan menambah peratusan perilaku yang bermasalah.

Mutakhir ini, kajian berhubung dengan konsep sendiri banyak dijalankan. Kajian-kajian tersebut turut memberi fokus kepada kaedah untuk membentuk dan meningkatkan konsep sendiri positif. Menerusi kajian lepas, kaedah-kaedah seperti kaunseling individu, kaunseling kelompok dan aktiviti kelompok bimbingan dapat

meningkatkan konsep diri pelajar (C. Kenny dan Mc Eachern, 2009; Noor Azniza & Norhayati, 2001; Azman, 2000). Malah telah terdapat modul untuk meningkatkan konsep diri menerusi kaunseling dan bimbingan kelompok bagi golongan ini (Chua, 2011). Sungguhpun demikian kaedah dan modul yang tersebut hanyalah memberi tumpuan kepada golongan pelajar sekolah menengah sekalipun teori dan dokumen KPM menegaskan bahawa perkembangan konsep diri adalah bermula pada usia kanak-kanak. Fokus kajian lalu seolah-olah memberi gambaran yang konsep diri murid sekolah rendah masih terpinggir. Oleh yang demikian, satu kajian membina modul untuk meningkatkan konsep diri khusus untuk murid sekolah rendah telah dilaksanakan. Walau bagaimanapun, modul yang telah siap dibina harus dipastikan kebolegunaannya bagi menentukan modul benar-benar layak untuk mencapai tujuan dan matlamat yang telah disasarkan.

Tinjauan Literatur

Kebolegunaan Modul BKKK. Kebolegunaan didefinisikan oleh ISO 9241-11 (ISO,1998) ialah setakat mana sesuatu produk boleh digunakan oleh pengguna tertentu untuk mencapai matlamat yang dinyatakan dengan berkesan, cekap dan memberikan kepuasan dalam konteks penggunaan yang ditetapkan. Untuk menentukan sama ada tahap kebolegunaan dicapai atau tidak , pengkaji perlu mengukur prestasi dan kepuasan pengguna yang bekerja dengan produk tersebut. Terdapat tiga dimensi dalam pengukuran kebolegunaan iaitu keberkesanan, kecekapan dan kepuasan pengguna (Millano & Ullius , 1998). Keberkesanan adalah pengukuran tahap kebaikan output oleh pengguna atau pengukuran sama ada pengguna boleh menjalankan tugas mereka dengan baik. Manakala kecekapan berkaitan dengan kuantiti output kerja yang berhubung dengan masa, usaha dan sumber yang terlibat . Ukuran kepuasan ialah pengukuran terhadap sikap dan persepsi pengguna mengenai kebolegunaan modul. Produk atau modul dengan kebolegunaan yang baik membenarkan pengguna untuk menyelesaikan tugas mereka dengan baik, tepat pada masanya dan dengan kegagalan yang minimum. Menentukan kebolegunaan amat penting bagi memastikan kejayaan modul dalam mencapai objektif yang telah ditetapkan (Jeng & Tzeng, 2012). Lazimnya untuk menghasilkan modul yang baik, pembinaan modul adalah berdasarkan teori yang berkenaan.

Teori yang mendasari modul ini adalah Teori Kognitif Tingkah Laku CBT. Teori CBT ini sesuai diaplikasikan sama ada dalam sesi kaunseling individu mahupun kaunseling kelompok serta dalam sesi kaunseling, terapi mahupun bimbingan, khusus untuk menstruktur semula pemikiran dan membentuk kepercayaan baharu (Corey, 2009; Peterson & Nisenholz, 1999). Menerusi teori ini, perubahan kognitif dihubungkan dengan elemen tingkah laku. Perubahan pemikiran akan membentuk kepercayaan baharu dalam diri. Perubahan kepercayaan dalam diri akan banyak mempengaruhi tingkah laku individu. Teori ini dilihat bersesuaian dengan objektif modul.

Teori CBT ini dilihat sesuai dilaksanakan samaada dalam sesi kaunseling individu mahupun kaunseling kelompok dan sesi terapi serta sesi bimbingan,


khususnya untuk membetulkan cara berfikir dan membentuk kepercayaan baharu (Peterson & Nisenholz, 1999). Teori ini percaya bahawa masalah yang dihadapi oleh individu adalah berpunca daripada diri mereka sendiri, bermula dengan apa yang ada dalam pemikiran seseorang (Gowers & Green, 2009). Pada dasarnya, apa yang difikir akan memberi kesan kepada emosi dan tingkah laku. Pemikiran mempengaruhi tingkah laku. Tingkah laku pula mempengaruhi fizikal lalu menghasilkan perubahan fisiologi. Sebaliknya, perubahan fizikal menyumbang kepada perubahan tingkah laku, sementara tingkah laku secara tidak langsung mempengaruhi proses pemikiran. Proses ini berhubung kait dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Elemen tersebut mempengaruhi antara satu sama lain lalu meletakkan individu dalam “masalah” yang mereka alami.

Peristiwa dan pengalaman yang ditempuhi individu akan memberi kesan kepada dirinya yang membabitkan kepercayaan atau pemikiran, emosi dan tingkah laku. Meskipun begitu, Dobson & Dobson (2009) berpendapat bahawa pemikiran bukanlah minda pra-sedar atau di bawah sedar. Pemikiran boleh dikawal dan dibentuk kerana pemikiran adalah sepenuhnya dalam kesedaran manusia. Dengan menyediakan suasana yang permisif, seperti sokongan kelompok akan menggalakkan perkembangan konsep sendiri individu. Asas pendekatan CBT adalah penggunaan pemikiran atau kognitif disebabkan pemikiran merupakan asas mengapa individu mengalami sesuatu perasaan dan emosi yang diketengahkan. Maka pengubahsuaian pemikiran adalah fokus utama dalam usaha untuk mengubah individu (Lam, 2008). Pengubahsuaian pemikiran secara tidak langsung akan menyebabkan unsur yang berhubung dengan pemikiran iaitu emosi dan tingkah laku turut berubah (Branch and Willson, 2007). Sekiranya pemikiran baharu dibina, secara tindak langsung tingkah laku dan kesan fizikal yang baharu akan terbentuk.

Namun begitu kemampuan kanak-kanak untuk dibimbing menggunakan kognitif mereka menerusi teori ini ada diperdebatkan (Manassis, 2009). Teori CBT pada awalnya dilihat tidak dapat diaplikasikan sepenuhnya terhadap klien kanak-kanak memandangkan kemampuan kognitif mereka adalah terhad (Graham, 2005). Tetapi pendekatan yang sesuai, di samping aktiviti yang terancang dipercayai dapat mengatasi isu berkenaan (Beck, 2011). Al Meraisi (2008) mendapati perkembangan yang dilalui oleh kanak-kanak dapat menyokong memantapkan perkembangan kognitif. Sokongan kognitif yang dimaksudkan ialah satu situasi yang dapat dilihat dengan jelas oleh kanak-kanak bahawa wujudnya sokongan dan dorongan yang khusus dari sudut emosi dan sosial.

Sehubungan dengan sokongan emosi dan sosial terhadap kanak-kanak, kaedah pelaksanaan aktiviti untuk membangunkan konsep sendiri boleh dilaksanakan secara berkumpulan melalui sokongan bimbingan kelompok. Bimbingan kelompok merupakan kaedah popular yang digunakan oleh kaunselor di sekolah dalam membantu pelajar dari segenap aspek. Selain sokongan sesama ahli kelompok, rasa “kepunyaan” kepada kelompok dapat membantu individu berkembang dengan lebih cepat berbanding bimbingan secara individu.

Di samping pendekatan teori, model konsep sendiri juga penting dalam menentukan kandungan modul. Antara Model Konsep Kendiri multi-dimensi adalah yang diperkenalkan oleh Fitts, telah dimurnikan pada tahun 1996 (Fitts & Warren, 2003). Fitts berpendapat bahawa konsep sendiri individu dapat dinilai menerusi pengalaman dan pengamatan individu menerusi dirinya sendiri. Fitts juga percaya bahawa konsep sendiri tidak berdiri sendiri dalam diri individu. Konsep sendiri adalah entiti oleh beberapa domain yang disebut sebagai multi dimensi. Bagi kanak-kanak yang berusia tujuh tahun hingga 14 tahun, terdapat enam domain konsep sendiri yang dicadangkan oleh Fitts, iaitu domain fizikal, domain peribadi, domain moral, domain keluarga, domain sosial dan domain akademik. Domain yang tersebut dapat membantu mengenal pasti tahap konsep sendiri dengan lebih tepat. Perincian domain konsep sendiri adalah sebagaimana yang dipapar dalam Rajah 1 berikut:



Rajah 1 Kandungan Modul Konsep Kendiri

Dalam kajian ini, beberapa penerapan teknik CBT dipilih dan diubah suai khususnya untuk kanak-kanak. Penerapan teknik yang digunakan adalah berakarkan teknik utama CBT, iaitu teknik kognitif, teknik emotif dan teknik tingkah laku. Penerapan teknik kognitif adalah melalui aktiviti psiko pendidikan, penerapan teknik emotif pula menerusi aktiviti main peranan manakala penerapan tingkah laku melalui aktiviti “modelling”. Penerapan teknik CBT ini disesuaikan dengan kandungan modul. Kandungan modul adalah berasaskan domain konsep sendiri yang telah disebutkan. Oleh yang demikian modul ini menyusun setiap sesi perjumpaan yang bertemakan domain-domain konsep sendiri yang dilaksanakan menggunakan unsur teknik CBT dalam bimbingan kelompok.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti kebolegunaan Modul BKKK melalui elemen keberkesanan modul terhadap konsep sendiri murid sekolah rendah.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel

Subjek kajian terdiri daripada 18 orang murid yang berada dalam tahun 5, di salah sebuah sekolah rendah di Negeri Sembilan. Subjek terdiri daripada 10 orang perempuan dan 8 orang lelaki yang dipilih secara rawak daripada 38 orang murid tahun 5 di sekolah berkenaan. Setelah mengikuti aktiviti modul, subjek dikehendaki menulis log sesi (refleksi), yang mengandungi soalan terbuka berhubung dengan diri mereka. Data dianalisis secara manual pembentukan tema.

Prosedur Kajian

Manakala butiran pelaksanaan kajian rintis untuk responden murid sebagaimana butiran berikut:

- i. Perjumpaan pertama adalah sesi membina hubungan agar kelompok selesa dan dapat memberi komitmen sepanjang aktiviti modul dilaksanakan. Perjumpaan pertama ini tidak termasuk dalam tempoh kajian, yang dilakukan pada minggu sebelumnya.
- ii. Kumpulan subjek melalui bimbingan kelompok konsep sendiri melalui perjumpaan sekali seminggu selama enam minggu,. Tempoh perjumpaan adalah 45 minit pada setiap sesi. Semua subjek diminta menulis refleksi pada setiap penghujung sesi perjumpaan.
- iii. Setelah tamat tempoh pelaksanaan aktiviti, semua subjek menjawab soalan terbuka berbentuk penulisan refleksi berkenaan diri mereka kesan daripada program / modul.

Pengkaji terlibat sepenuhnya dalam pelaksanaan modul ini dan bertindak sebagai ketua kelompok. Semua kaedah dan langkah-langkah yang terkandung dalam Modul Bimbingan Kelompok Konsep Diri telah diikuti dan dipatuhi sepenuhnya.

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan data kualitatif menerusi dokumen refleksi juga menunjukkan majoriti subjek melihat diri mereka positif. Menerusi domain fizikal, subjek bersyukur dengan fizikal yang dimiliki dan menghargai diri fizikal mereka.

“Saya sayangkan fizikal saya”, “fizikal saya amat berguna”, “saya bersyukur dan yakin dengan fizikal saya”, “saya rasa fizikal saya cukup sempurna”, “saya tidak akan mengubah fizikal saya”.

(Dokumen- refleksi)

Menerusi domain peribadi, subjek bersyukur memiliki peribadi yang baik. Subjek menghargai keperibadian mereka dan bersyukur dengan keperibadian yang mereka miliki.

“Diri saya berharga/ amat berharga”, “Diri saya penting bagi saya”, “Saya amat bertuah atas kejadian diri saya”, “Saya ingin menjadi orang yang berguna”, “Saya perlu menjadi orang yang baik”, “Saya perlu menghargai peribadi saya sendiri”.

(Dokumen- refleksi)

Sementara analisis domain moral pula mendapati subjek menyatakan diri mereka sedia memiliki nilai moral (nilai baik) dan yakin bahawa mereka mampu melaksanakan nilai dan perbuatan yang baik.

“Saya bersifat amanah”, “Saya suka menolong orang”, “Saya yakin diri saya baik”, “Bagi saya melakukan nilai baik adalah mudah”, “Saya akan berusaha untuk melakukan nilai baik”, “Saya ingin jadi baik (tingkah laku)”

(Dokumen- refleksi)

Di samping itu, hasil analisis domain keluarga mendapati bahawa subjek bersyukur dengan keluarga yang dimiliki dan gembira dan subjek juga menyatakan subjek mampu melakukan perkara yang memberi kebahagiaan keluarga.

“Saya rasa bahagia dengan keluarga saya”, “Saya suka dengan keluarga saya yang bahagia”, “Keluarga amat penting bagi kita”, “Tidak bergaduh sesama adik-beradik”, “Saya patut membaiki sikap saya pada keluarga saya-menghormati dan menyayangi”, “Saya telah mendapat ilmu baru untuk keluarga”.

(Dokumen- refleksi)

Bagi domain sosial, subjek menyatakan mereka telah bergaul dengan baik dengan rakan dan orang sekeliling mereka. Subjek juga menyatakan mereka mampu hidup bermasyarakat dengan baik.

“Saya bergaul dengan baik/ bersikap baik dengan rakan”, “Saya yakin saya mampu bergaul baik dengan rakan”, “Saya bersikap mulia pada rakan”, “Saya telah diajar untuk berbuat baik sesama rakan/ masyarakat”

(Dokumen- refleksi)

Sementara analisis domain akademik menunjukkan bahawa subjek berhasrat untuk meningkatkan prestasi akademik mereka.

“Saya rajin berusaha untuk belajar”, “Saya akan buat yang terbaik untuk tingkatan akademik”, “Saya akan berusaha bersungguh-sungguh (peperiksaan)”.

(Dokumen- refleksi)

Dapatan data kualitatif tersebut telah mengenal pasti 11 tema bagi keenam-enam domain konsep sendiri, sebagaimana yang telah dibincangkan. Dapatan ini telah disahkan oleh 3 orang pakar. Keputusan Cohen Kappa adalah pada sebagaimana yang tertera dalam jadual berikut:

Jadual 1 Nilai pekali persetujuan pakar

Bil	Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Nilai Keseluruhan
	$K = \frac{11 - 5.5}{11 - 5.5}$	$K = \frac{11 - 5.5}{11 - 5.5}$	$K = \frac{10 - 5.5}{11 - 5.5}$	$= \frac{1+1+0.8}{3}$
Domain	11 - 5.5	11 - 5.5	11 - 5.5	
Keseluruhan	$K = \underline{1}$	$K = \underline{1}$	$K = \underline{4.5}$	
Konsep Kendiri	1	1	5.5	$= 0.93$
	N = 1	N = 1	N = 0.8	

Setelah dikira persetujuan ketiga-tiga pakar, pengkaji telah memperoleh Indeks Pekali Cohen Kappa 0.93 bagi, iaitu pada tahap sangat baik. Secara keseluruhannya hampir semua subjek bersetuju bahawa aktiviti modul yang dilaksanakan telah mendorong mereka untuk melihat diri mereka positif menerusi keenam-enam domain sendiri.

PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati Modul BKKK mempunyai kebolehgunaan yang tinggi. Kajian ini mendapati salah satu daripada elemen kebolehgunaan, iaitu kesan modul telah dikenalpasti. Modul didapati berkesan dalam membentuk pemikiran subjek berkenaan diri mereka. Aktiviti modul dapat meningkatkan rasa suka, sayang dan menghargai diri melalui domain-domain konsep sendiri. Kesan aktiviti modul juga mendapati subjek mempunyai pemikiran positif, iaitu mereka mampu bersifat baik, mampu bergaul baik dan mampu meningkatkan pencapaian akademik mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa modul untuk meningkatkan konsep sendiri melalui pembentukan pemikiran positif adalah satu kaedah yang berkesan. Hal ini juga bermaksud modul ini mempunyai nilai kebolehgunaan, dari elemen keberkesanan (ISO, 1998). Menenal pasti kebolehgunaan modul ini merupakan satu isu asas untuk melangkah pada fasa seterusnya, iaitu menggunakan modul dalam lapangan sebenar.

Menentukan kebolegunaan modul ini penting bagi memastikan modul berupaya memberi kesan terhadap konsep sendiri murid. Dapatan menunjukkan bahawa subjek menyatakan subjek suka, bersyukur dan menghargai diri mereka menerusi keenam-enam domain konsep sendiri. fizikal diri, sifat peribadi dan keluarga yang mereka miliki. Mereka juga yakin pada diri bahawa mereka mampu bersifat baik, melihat bahawa berkelakuan baik adalah mudah dan ingin menjadi baik khususnya bergaul dengan rakan dan sesama ahli masyarakat yang lain kerana mereka telah diajar agar berhubung baik kepada orang lain. Majoriti subjek menyatakan bahawa mereka mampu meningkatkan prestasi akademik sekiranya mereka rajin berusaha, berkeyakinan dan bersungguh-sungguh dalam usaha mereka. Hal ini bertepatan dengan pernyataan Franken (2007) bahawa pandangan individu terhadap diri sendiri boleh dibina dan dikonstruksi. Melihat dan memandangi diri secara positif ini amat penting dalam membina keyakinan diri yang merupakan salah satu kunci untuk individu membuka pintu-pintu kejayaan pada masa hadapan.

Terdapat beberapa faktor yang mendorong kejayaan. Antara penyumbang utama kejayaan adalah berfikir positif, iaitu minda terfokus dan meyakini bahawa diri mampu memiliki kejayaan. Menurut teori CBT pemikiran merupakan pusat kepada pengoperasian diri individu. Pembentukan pemikiran kearah yang positif bermaksud membentuk individu menjadi lebih baik (Lam, 2008). Ini kerana pembentukan atau pengubahsuaian pemikiran secara tidak langsung akan menyebabkan unsur yang berhubung dengan pemikiran iaitu emosi dan tingkah laku turut berubah (Branch and Willson, 2007). Sekiranya pemikiran baharu dibina, secara tidak langsung tingkah laku dan kesan fizikal yang baharu akan terbentuk. Modul BKKK ini merupakan salah satu alternatif yang boleh digunakan untuk membina pemikiran yang positif terhadap diri. Memandangkan kebolegunaan modul telah dikenal pasti, maka modul ini dilihat berkesan untuk digunakan sebagai alat dalam mengubah pemikiran individu dalam melihat kemampuan dan keupayaan mereka.

Cadangan Penambahbaikan

Menerusi dapatan kajian setelah aktiviti modul dilaksanakan, beberapa penambahbaikan telah dicadangkan, iaitu:

- i. Masa pelaksanaan aktiviti selama 45 minit didapati agak singkat. Keadaan ini tidak mengizinkan aktiviti berjalan dengan sempurna. Saranan agar masa untuk melaksanakan setiap sesi dipanjangkan kepada 60 minit.
- ii. Pendedahan modul kepada Ketua Kelompok (KK) adalah perlu agar KK dapat memahami dan mendalami objektif modul, serta pendekatan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan.
- iii. Penulisan refleksi harus dipandu sesuai dengan peringkat umur subjek. KK boleh membantu subjek dengan mengajukan soalan berhubung dengan apa yang telah dipelajari pada hari berkenaan pada penghujung sesi, sebelum subjek menulis refleksi masing-masing.

- iv. Aktiviti main peranan menarik minat subjek walaupun pada peringkat awal dilihat mereka kelihatan malu dan tidak yakin untuk berlakon. Selain daripada menyediakan bahan untuk main peranan, KK boleh meminta subjek membawa bahan kepunyaan mereka yang difikirkan sesuai dengan tema lakonan pada hari berkenaan. Pendekatan ini akan membantu meningkatkan kesediaan dan keyakinan untuk mereka berlakon bersama rakan-rakan yang lain.
- v. Penyediaan skrip untuk main peranan dilihat menyekat perkembangan kreativiti murid. Oleh itu adalah dicadangkan agar skrip aktiviti main peranan adalah bebas dengan syarat jalan cerita dan objektif main peranan dipatuhi.

RUJUKAN

- Asma-Tuz-Zahra, Manzoor H. Arif and Muhammad Imran Yousuf (2010). Relationship of Academic, Physical And Social Self Concept of Student With Their Academic Achievement. *Contemporary Issues In Educational Research*, 3 (3) 73-78.
- Azman Mahsuri (2000). Terapi Rasional Emotif: Tatacara Intervensi Pelajar yang Mempunyai Konsep Kendiri Rendah (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Azneeal Ar-Rashid Mohd Ramli, Nora Mislán & Siti Mislía Selamat (2005) Gejala Buli. Kertas Kerja Seminar Pendidikan 2005. Anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 15 Oktober 2005).
- Beck, Judith S. *Cognitive Behavioral Therapy Basic and Beyond*. University of Kuala Lumpur, Online library Online library.
- Berita Harian. 27 Disember 2010. Masalah Disiplin pelajar Masih Terkawal.
- Branch Rhena and Wilson Rob. *Cognitive Behavioral Therapy orkbook for Dummies*. University of Kuala Lumpur, Online library Online library.
- Brown, D (2003). *Career Information, Career Counseling, & Career Development*. Boston: Pearson Education Inc.
- Capuzzi, D & Stauffer, M.D (2006). *Career Counseling Foundation, Perspectives and Application*. United States: Pearson Allyn & Bacon.
- Chua Lay Nee (2011). Kesan Intervensi Kaunseling Kelompok Pendekatan Adlerian dan Bimbingan Kelompok Konsep Kendiri ke atas Konsep Kendiri Pelajar Sekolah Menengah: Satu Kajian Perbandingan. (Unpublished PhD thesis). UKM Bangi.
- Corey G.(2001). *Theory and Practise of Counselling and Psychotherapy* (8th ed.). USA: Brooks & Cole.
- Debson, D. (2009). *Evidence Based Practice Of Cognitive Behavioral Therapy*. New York, The Guilford Press.
- Dokumen Kurikulum Standard Prasekolah (KSPK) (2010). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Dokumen Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (2011). Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Efrord, B.T. (2006). *Transforming The School Counselling Profesion* (2nd ed.). USA: Pearson Prentice Hall.
- Ferdon, C.D. & Kaslow N.J. (2008). Evidence-based Psychosocial Treatments for Child and Adolescent Depression. *Jurnal Clin Child Adolescent Psychology*, 37(1) 62-104
- Fitts, W.H. & Warren, W.L. (2003). *Tennessee Self Concept Scale TSCS: 2* (2nd ed.). Los Angeles: WPS.
- Franken, Robert E. (2007). *Human Motivation*. 6th ed. Thompson/ Wadsworth. Belmont Calif,
- Gowers, G.S & Green, L. (2009). *Introduction Eating Disorders Cognitive Behavioral Therapy with Children and Young People*. New York, Routledge Taylor & Francis Group.
- Graham, P. (2005). *Cognitive Behavioral Therapy for Children and Families*. University of Kuala Lumpur, Online library Online library.
- Hart, D. & Damon, W. (1985). *Contrasts Between Understanding Self and Understanding Others*. (Robert L. Laehy, Ed) Academic Press.
- ISO9241-11. (1998). *Ergonomic requirements for office work with visual display terminals (VDTs) – Part 11: Guidance on usability*.
- Jeng, D. J.-F., & Tzeng, G.-H. (2012). Social influence on the use of clinical decision support systems: Revisiting the unified theory of acceptance and use of technology by the fuzzy DEMATEL technique. *Computers & Industrial Engineering*, 62(3), 819–828
- Johnson, J.E., Christie, J.F. & Wardle, F.E. (2011). *Play, Development and Early Childhood*. USA: Pearson Education.
- Kenny, Maureen C, and Mc Eachern, Adriana. (2009). Children Self Concept: A Multicultural Comparison. *Journal Multiculturer Comparison. A Professional School Counseling* 12. 3 (Feb 2009): 207-212.
- Lam, C. K. Danny. (2008). *Cognitive Behavior Therapy: A Practical Guide to Helping People Take Control*. University of Kuala Lumpur, Online library.
- Manassis, Katharina. (2009). *Cognitive Behavioral Therapy with Children*. University of Kuala Lumpur, Online library Online library.
- May Jasem Al Meraisi. (2008). *Effectiveness of Cognitive Behavioral Play Therapy with Children Who Have Attention Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)*. Unpublished Master Thesis.
- Meany-Whalen, K. (2010). *Adlerian Play Therapy: Effectiveness on disruptive behaviors of early elementary-aged children*. Unpublished Dissertation, University of North Texas, Denton, TX.
- Milano, M. & Ullius, D. (1998). *Designing powerful training, The Sequential-Iterative Model*. Jossey-Bass/Pfeiffer. A Wiley Company, San Francisco
- Mohamad Aziz Shah. (2010). *Kesan Kelompok Bimbingan Ke Atas Konsep Kendiri, Daya Tahan Dan Kelangsangan Remaja*. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Alam Melayu Universiti kebangsaan Malaysia. Tidak diterbitkan.

- NorAzniza Ishak dan Norhayati Haji Che Harun (2001). Kesan Pendekatan Tingkah Laku Kognitif dan Pendekatan Pemusatan Perorangan Terhadap Tahap Kebimbangan dan Konsep Kendiri Remaja. Seminar Kaunseling Kebangsaan (Ketiga), Paper 11(23p) 27 Oktober 2001.
- Norlizah Che Hassan (2008). Perkaitan Cara Gaya Keibubapaan dengan Konsep Kendiri dan Tingkah Laku Delikuen Remaja. (Unpublished PhD thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Oosterwegel, A. and Oppenheimer, L. (1993). The Self-System Developmental Changes between and within Self-Concept. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum Associates.
- Peterson, J. V. & Nisenholz, B. (1999). Orientation to Counseling. United States, Allyn & Bacon.
- Reardon, R.C., Lenz, J.G., Sampson, J.P. & Peterson, G.W. (2006). Career Development and Planning A comprehensive Approach (2nd ed.). USA: Thomson.
- Rosli Abu Hassan (1998). Konsep Kendiri di kalangan Pelajar Sekolah Kebangsaan Batang Berjuntai. (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Sharf, R. S. (2002). Applying Career Development Theory to Counseling. USA: Brooks/Cole.
- Sinar Harian, 22 Ogos 2013. Jenayah Menular dikalangan Pelajar. Nasaruddin Hassan. (Politik)
- Sigelman C.K. (2009). Life-span Human Development. USA: Brooks & Cole Publishing.
- Srebalus, D.J., Marinelli, R.P. & Messing, J.K. (1982). Career Development Concept & Procedures. USA: Brook/Cole Publishing Company.
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 3/1996 (KP(BS)891/Jld.V11/(35) 11 Julai 1996.
- Surat Pekeliling KPM: KP(PP)0051/1/Jld.8/(24) 3 Ogos, 2001.
- Surat Siaran KP (BPSH-SPPK) 601/3 Jld 2 (56) 25 Ogos 2008.
- Surat Siaran KPM Bil. 12/2012 16 April 2012.
- Zulazan Mohamad Yusoff (2003). Status Konsep Kendiri dan Hubungannya dengan Pemilihan Kerjaya di kalangan Pelajar Tingkatan 6 Bawah Sebuah Sekolah Menengah di Klang, (Unpublished master's thesis). University of Malaya, Kuala Lumpur.
- Zunker, V.G. (2006). Career Counseling (7th ed.). USA: Thomson.
- Zuria Mahmud, Norelawayt Shabuddin & Noran Fauziah Yaaku (2010). Tingkah Laku Buli dalam kalangan Pelajar Perempuan Sekolah Rendah. Jurnal Perkama, Jilid 16, ISSN 0127/6301. Persatuan Kaunseling Malaysia.

